

Kemanisan Iman

Daripada Anas bin Malik RA, daripada Nabi SAW bersabda:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ، أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا،
وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا اللَّهُ تَعَالَى، وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقَذَّفَ
فِي النَّارِ

Maksudnya: “Tiga perkara, baringsiapa yang ada semuanya itu padanya nescaya ia akan mendapat kemanisan iman, adalah Allah SWT dan Rasul-Nya lebih dikasihi daripada yang lain dari keduanya. Dan bahawa dia kasih akan seseorang, tiada kasihnya itu melainkan kerana Allah, dan bahawa dia benci kembali kepada kufur sebagaimana dia benci bahawa dia akan dicampakkan ke dalam api.”

Riwayat al-Bukhari (16) dan Muslim (174)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Adanya kemanisan iman. Ia adalah perkara maknawi kerana sifat iman adalah dalaman. Daripada hadis ini juga menunjukkan kepada kita bahawa sesiapa yang mengurangi apa yang disebut di dalam hadis ini sudah pasti tidak dapat merasai kemanisan iman.
2. Cinta hakiki ialah cinta kepada Allah SWT. Sebahagian ulama menganggap ianya sebagai al-Hubb al-Ilahi yang menunjukkan rasa kebesaran Allah, tanda dan dalil cinta kepada Allah ialah mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

3. Dalam nas al-Quran menyebut:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah ali-Imran: 31)

Hal ini jelas menunjukkan apabila mengikut Rasulullah, nescaya seseorang itu akan mendapat cinta daripada Allah.

4. Cintakan Rasul sebagai tanda dan lambang kekuatan iman seseorang. Hal ini telah ditunjukkan oleh para sahabat betapa mereka cintakan Rasulullah SAW dengan sepenuh jiwa dan sanggup menggadaikan nyawa. Rasulullah SAW bersabda:

أَحِبُّوا اللَّهَ لِمَا يَغْذُو بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ وَأَحِبُّونِي لِحُبِّ اللَّهِ وَأَحِبُّوا أَهْلَ بَيْتِي لِحُبِّي

Maksudnya: Cintailah Allah SWT kerana nikmat yang telah dikurniakan oleh-Nya kepadamu dan cintailah aku kerana cintakan Allah SWT serta cintailah ahli keluargaku kerana cintakan aku.

Riwayat al-Tirmizi

5. Berkasih sayang sesama Islam mestilah diasaskan kerana Allah. Hal ini akan menatijahkan keikhlasan dan sifat setiakawan yang tiada tolak bandingnya. Dengan sebab itu, anjuran berjemaah amat banyak diperintahkan di dalam Islam seperti solat berjemaah, makan berjemaah dan lain-lain. Hal ini akan memupuk kasih sayang.
6. Dr. Izzuddin Bayanuni berkata: Bagi mengukur kasih sayang kerana Allah SWT, maka orang yang mengasihi hendaklah menggambarkan bahawa orang yang dibencinya itu telah meninggalkan perkara yang menyebabkan kebenciannya dan orang itu telah kembali taat kepada Allah. Sekiranya jiwanya bersedia mengasihi orang itu dan menghormatinya, maka bencinya adalah kerana Allah.

7. Bencikan kekufuran menandakan kekuatan iman, bahkan mendapat kemanisan iman. Ini kerana Islam merupakan agama yang sebenar di satu lembah, sedangkan kekufuran di lembah yang lain. Kedua-duanya tidak mungkin bertaut dan bersatu.
8. Keperluan bagi kita masyarakat Islam mempelajari ilmu khususnya membabitkan akidah supaya keimanan begitu pasak dan kukuh dalam kehidupan kita.
9. Al-Junaid berkata: “Orang yang beribadat waktu malam merasa lebih manis daripada orang yang dalam keadaan *lagha* pada *laghanya*.”

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Hidup ini sangat singkat, maka jangan anda pendekkan dengan banyak merasa takut. Mencari kawan itu susah, maka jangan membuatnya menyesal dengan menghinanya. Sedangkan musuh itu banyak sekali, dan jangan menambah jumlah mereka dengan akhlak yang buruk.
- ❖ **Pujangga berkata:** Sekiranya umat Islam mendakwa bahawa mereka cintakan Allah, maka katakan kepada mereka bahawa antara tanda cinta Allah SWT yang terbesar ialah cintakan kekasih-Nya.

Kisah Teladan

Abu Muslim al-Khaulani RA merupakan salah seorang tabiin. Beliau datang menemui Aswad al-Unsi (orang yang mengaku menjadi Nabi), maka Aswad berkata kepadanya: Apakah kamu beriman kepadaku? Abu Muslim menjawab: Aku tidak mendengarkan sesuatu.

Aswad bertanya lagi: Kamu beriman kepada Muhammad? Dia menjawab: Demi Allah, aku beriman kepadanya.

Aswad mengancamnya dengan berkata: Demi Allah, aku akan membunuhmu

dengan cara yang belum pernah seseorang pun terbunuh dengan cara seperti itu sebelumnya.

Mereka pun mengumpulkan kayu api dan menyalakan api untuk Abu Muslim al-Khaulani, lalu para tentera menyeret kedua tangannya dengan paksaan. Tatkala dia sudah mendekati api tersebut, lalu dia pun mengucapkan perkataan yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim AS:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Maksudnya: Cukuplah untuk (menolong) kami, dan ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami).

(Surah ali-Imran: 173)

Akhirnya, api itu pun menjadi dingin dan memberi kesejahteraan kepada Abu Muslim al-Khaulani RA. Setelah beliau keluar dari api tersebut, beliau terus pergi ke Kota Madinah dan Khalifah Umar bin al-Khattab RA mendengar hal tersebut, lalu membawanya kepada Khalifah Abu Bakar RA dan bercerita: Segala puji bagi Allah yang telah memperlihatkan orang yang dilakukan seperti yang pernah dilakukan terhadap Nabi Ibrahim AS, kekasih Allah sebelumnya kepada kita dari umat Nabi Muhammad SAW.

